



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MEI 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Mei 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada 11 sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 49.9 bagi Mei 2024, sama seperti yang dilaporkan pada April 2024. Ini menunjukkan bahawa perniagaan sektor swasta secara amnya menjangka keadaan perniagaan akan terus merosot pada Mei 2024. Hasil kaji selidik menunjukkan sektor-sektor mempunyai sentimen yang berbeza terhadap keadaan perniagaan semasa. Beberapa sektor merekodkan sentimen pesimistik yang dikaitkan dengan jangkaan tahap jualan yang lebih rendah disebabkan kemungkinan pengurangan dalam perbelanjaan selepas pembelian besar semasa musim perayaan. Walau bagaimanapun, dua sektor berpandangan optimistik dan menjangkakan keadaan perniagaan akan bertambah baik pada Mei 2024 mengambil kira ia bulan bekerja yang lebih panjang berbanding dengan April 2024. Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan berada pada tahap 50.2, menunjukkan para peniaga mempunyai sentimen optimistik. Prestasi perniagaan dijangka akan meningkat bagi Jun 2024 dengan jangkaan projek baharu dan peningkatan dalam permintaan bagi barangan dan perkhidmatan untuk sambutan Hari Raya Aidiladha.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi Mei 2024, 50.2 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga merancang untuk meningkatkan tahap pelaburan pada Mei 2024 dan juga pada beberapa bulan akan datang. Bagi Mei 2024, perniagaan merancang untuk meningkatkan pelaburan bagi pembelian kenderaan, peralatan, dan mesin baharu untuk meningkatkan tahap pengeluaran dan sebagai persiapan projek-projek akan datang, memperluaskan premis perniagaan dan membuka cawangan dan kemudahan baharu, dan menambah stok dengan jangkaan penjualan akan meningkat semasa musim jualan pertengahan tahun dan Pesta Pengguna [Consumer Fair] pada Jun 2024. Selain itu, para peniaga juga menjangka akan meningkatkan tahap pelaburan dalam beberapa bulan akan datang, seperti menyediakan tempat tinggal dan peralatan untuk pekerja-pekerja baharu.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi Mei 2024 dan bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan tren seperti sebelumnya, para peniaga mengongsikan usaha berterusan mengambil pekerja untuk memenuhi keperluan operasi mereka. Beberapa perniagaan juga mengongsikan cabaran-cabaran seperti kadar pemberhentian pekerja tempatan yang tinggi, proses pengambilan pakar-pakar dari luar negara yang tertangguh, serta proses dan prosedur tertentu dari agensi-agensi berkaitan yang kurang jelas. Cabaran-cabaran ini menyumbang kepada peningkatan kos perniagaan dan juga ketidakupayaan untuk meningkatkan pengeluaran dan memenuhi keperluan projek. Beberapa perniagaan telah mengambil penuntut-penuntut sebagai perantis (*intern*) atau pekerja sambilan pada tempoh yang tertentu. Namun, perniagaan juga menyatakan kebimbangan bahawa ini merupakan penyelesaian jangka pendek sahaja kerana para pelajar perlu kembali ke institusi masing-masing semasa penggal pengajian.

7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.2 bagi Mei 2024 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, para peniaga menjangka kos perniagaan akan meningkat pada Mei 2024 berbanding dengan April 2024. Perniagaan menjangkakan peningkatan perbelanjaan bagi bahan-bahan, penyelenggaraan dan pembaikan, serta bayaran gaji dan bayaran lebih masa kepada pekerja-pekerja. Perbelanjaan kos lain termasuk langganan tahunan dan kos pemindahan premis ke lokasi yang lebih kos-efektif. Bagi bulan-bulan seterusnya, perniagaan menjangka kos operasi yang lebih rendah berbanding dengan Mei 2024 atas beberapa faktor seperti perbelanjaan yang tinggi pada bulan sebelumnya.

BSI Mei 2024	
Keadaan Perniagaan	49.9
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.2
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.9

8. Dari segi **sektor ekonomi**, dua daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik bagi Mei 2024. Sektor Kesihatan dan Pendidikan mencatatkan keyakinan tertinggi dengan indeks 50.5 dengan

jangkaan keadaan perniagaan akan meningkat pada Mei 2024 kerana tidak banyak hari kelepasan awam dan waktu operasi yang lebih panjang berbanding dengan April 2024. Sektor Perkhidmatan Lain berpandangan sedikit optimistik di atas faktor-faktor yang sama, dan juga jangkaan peningkatan prestasi perniagaan pada Mei 2024 dengan pengambilan pekerja dan projek baharu. Sebaliknya, empat sektor menjangka keadaan perniagaan akan merosot bagi Mei 2024. Sektor-sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman, Perdagangan Borong & Runcit, dan Pengangkutan & Komunikasi secara amnya menjangka keadaan perniagaan yang lebih perlahan pada Mei 2024 dengan berakhirnya musim perayaan. Manakala, sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan menjangka prestasi perniagaan yang lebih rendah disebabkan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan berjadual dan jangkaan kadar keuntungan yang lebih rendah. Sementara itu sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan, Kewangan & Insurans, dan Hotel & Restoran melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti April 2024. Kaji selidik menunjukkan sentimen yang berbeza dalam sektor Pembinaan di mana beberapa perniagaan mempunyai projek-projek berterusan ataupun menjangka akan menerima tawaran projek baharu, tetapi terdapat juga segelintir perniagaan yang tidak mengendalikan projek dan terjejas oleh pembayaran yang tertangguh.

Keadaan Perniagaan Mei 2024 Mengikut Sektor	
Kesihatan & Pendidikan	50.5
Perkhidmatan Lain	50.1
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Pembinaan	50.0
Kewangan & Insurans	50.0
Hotel & Restoran	50.0
Pembuatan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	49.9
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.8
Perdagangan Borong & Runcit	49.7
Pengangkutan & Komunikasi	49.4

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz kecil secara amnya mengongsikan sentimen yang optimistik bagi Mei 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini didorong oleh jangkaan tahap penjualan yang lebih tinggi dan peningkatan dalam permintaan bagi barangan dan perkhidmatan. Perniagaan bersaiz besar menjangka keadaan perniagaan akan merosot berbanding April 2024 setelah musim perayaan. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro dan kecil menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada Mei 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Mei 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.2
Sederhana	50.0
Besar	49.9

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai

metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 27 Zulhijjah 1445H / 4 Julai 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mei 2024



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.